

P- raya umum April depan?

Parti2 politik, S-jaya siapkan jentera masing2

KUALA LUMPUR, Ahad — Tanda-tanda semakin jelas menunjukkan pilihanraya umum kemungkinan besar diadakan April depan.

Ramalan ini berdasarkan persiapan-persiapan yang sedang dijalankan oleh parti-parti politik dan Suruhanjaya Pilihanraya sendiri mengemaskinikan jentera pilihanraya masing-masing.

Spekulasi pilihanraya bagi merebut kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri diadakan lebih awal dari jadual diperkuatkan lagi bila Ibupejabat UMNO Malaysia, parti pemerintah yang terbesar, mengarahkan Cawangan dan Bahagian-bahagian mengadakan mesyuarat agung tahunan lebih awal dari biasa.

Parti tersebut, yang mempunyai 114 Bahagian di seluruh negara, biasanya mengadakan mesyuarat dan pemilihan jawatankuasa kira-kira empat atau lima bulan selepas kira-kira tahun ditutup bulan Disember.

Bagaimanapun, diumumkan, Ibupejabat UMNO Malaysia mengarahkan Cawangan dan Bahagiannya berbuat demikian sebelum bulan Februari.

Mengikut tradisi, parti itu memilih calon-calon bagi bertanding dalam pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dari pemimpin-pemimpin Bahagian.

"UMNO sudah bersedia menghadapi pilihanraya umum pada bila-bila masa", kata Ketua Pengerang UMNO Malaysia, Datuk Haji Embong Yahya, baru-baru ini.

Bagaimanapun, Per-

dana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menafikan dakwaan bahawa 'demam pilihanraya' sedang menyerang suasana politik negara.

Bellau memberitahu Dewan Rakyat 9 November lalu, Barisan Nasional belum merasa demikian dan meminta parti pembangkang, terutama PAS, bertangand dan bersabar menunggu Parlimen dibubar dan pilihanraya diadakan.

Satu tanda jelas negara akan menghadapi pilihanraya tidak lama lagi ialah dengan adanya persiapan-persiapan yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Suruhanjaya tersebut telahpun mengeluarkan tender bagi mendapatkan bekalan kelengkapan keperluan pilihanraya seperti peti undi, petak undi, dulang

pengira undi dan mesin memproses dan melokalkan borang.

Jabatan Cetak Kerajaan juga sedang mencetak 50,000 borang baru penamaan calon bagi pilihanraya Dewan Undangan Negeri dan 40,000 borang bagi kerusi Parlimen.

Pegawai-pegawai Suruhanjaya juga pernah menyatakan kesediaan menghadapi pilihanraya umum bila-bila masa sahaja walaupun mereka enggan mengulas tentang tarikhnya.

Kenyataan-kenyataan oleh pemimpin parti politik, sama ada dari Barisan Nasional atau pembangkang, juga membandingkan kemungkinan pilihanraya lebih awal.

"Parti Gerakan kini sedang bersedia untuk menghadapi pilihanraya akan datang bila-bila masa sahaja", kata Naib Pengerusi Gerakan Pulau Pinang, Datuk Khor Gark Kim.

Oleh AHMAD PUAD ONAH

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Mandat baru

"Ahli-ahli PAS hendaklah membuat persiapan lengkap bagi mencapai kemenangan dalam pilihanraya umum akan datang yang diramalkan pada bulan April", kata Presidennya, Datuk Haji Mohamad Asri Muda.

"DAP meramalkan pilihanraya umum kemungkinan besar diadakan antara bulan April dan Julai", kata Timbalan Setiausaha Agungnya, Enik Lee Lam Thye.

Kenyataan-kenyataan tersebut semakin jelas membuktikan ramalan bahawa Datuk Seri Dr. Mahathir akan mendapatkan mandat baru lebih awal dari tamat tempoh Parlimen pada bulan Julai, 1983.

Dewan Rakyat yang ada sekarang tamat tempoh lima tahunnya 1983 dan mengikut Perlembagaan pilihanraya hendaklah diadakan selepas 60 hari lam tempoh Parlimen dibubarkan.

Dalam memilih waktu yang baik untuk mengadakan pilihanraya, beberapa faktor terpaksa diambil kira seperti musim tengkujuh dan bulan puasa yang bermula pada 23 Jun.